

Muhyiddin ajak ummah fahami inti pati al-Quran

Hayati hikmah
terkandung
dalam peristiwa
Nuzul Quran

Kuala Lumpur: Bersempena Nuzul Quran 1442 Hijrah, semalam, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak umat Islam meluangkan lebih banyak masa membaca dan memahami inti pati al-Quran yang antara lain menyarankan amal soleh.

Perdana Menteri dalam hantaran menerusi akaun Facebook rasmi beliau turut sama mengajak umat Islam bersama-sama menghayati hikmah yang terkandung dalam peristiwa berkenaan dan isi kandungan al-Qu-

ran secara keseluruhannya.

"Al-Quran adalah mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah SWT kepada Rasulullah SAW untuk menjadi ikutan kepada umat Islam. Al-Quran adalah sumber ilmu, hidayah serta panduan untuk kita menjalani kehidupan di dunia.

"Membaca, mengamal dan menyebarkan kandungan al-Quran untuk manfaat manusia adalah tanda kita mencintai al-Quran," katanya.

Tarikh 17 Ramadan adalah hari Nuzul Quran, iaitu hari memperingati peristiwa kitab suci bagi umat Islam diturunkan kepada umat manusia.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut mengambil kesempatan mendoakan semoga umat Islam di negara ini khususnya dan di seluruh dunia dapat menjalani ibadah puasa dengan sempurna.

BERNAMA